

Sejarah Mesir (Republik Arab Bersatu)


(IV)

Perusahaan kerajaan Revolusioner membuat suatu rancangan perindustrian lima tahun yang mana dimulakan pelaksanaannya dalam bulan Julai 1957. Rancangan itu telah ditamatkan dalam tiga tahun dan pada akhir tahun 1961 rancangan yang kedua dilancarkan. 230 juta Pound Egypt telah dibelanjakan kerana rancangan yang pertama. Barang pengeluaran yang penting dalam rancangan itu ialah kain, kereta-kereta berjentera, simen dan *phospate*. Belanja kerja rancang usaha-rancang usaha yang siap pada akhir tahun 1958 ialah 92 juta Pound Egypt dan dalam tahun 1961 belanja rancang usaha-rancang usaha yang dilancarkan ialah 70 juta Pound Egypt. Rancangan perindustrian yang kedua akan memakan belanja 424 juta Pound Egypt, termasuk 66 juta Pound Egypt kerana perusahaan petroleum, 50 juta Pound Egypt kerana perusahaan logam (kebanyakannya besi dan besi waja), 48 juta Pound Egypt kerana perusahaan barang-barang kimia dan 29 juta Pound Egypt kerana perusahaan kain. Ketegasan banyak diletakkan pada perusahaan-perusahaan kecil. Di bawah rancangan itu pendapatan yang didapati oleh

perusahaan-perusahaan di Mesir akan ditambah sebanyak 100 juta Pound Egypt menjelang tahun 1966. Perusahaan membuat kain adalah perusahaan yang besar sekali. Dalam tahun 1946 bilangan akik¹ yang berjentera ialah lebih kurang 330,000 tetapi pada tahu 1960 bilangannya meningkat kepada angka 1,186,000. Pengeluaran benang kapas dalam tahun 1961 meningkat kepada 110,800 tan dan pengeluaran kain kapas bertambah hingga 316,800 meter persegi. Sekarang Mesir mengeluarkan kain kapas yang cukup banyak untuk kegunaannya sendiri dan benang kapas berharga 7.7 juta Pound Egypt dan kain berharga 6.1 juta Pound Egypt telah dieksportkan dalam tahun 1961. Pengeluaran benang *wool* bertambah daripada 6,100 tan dalam tahun 1959 kepada 7,800 tan dalam tahun 1961. Perusahaan simen telah mencapai kemajuan; pengeluaran tahun 1961 ialah 2,136,000 tan. Pada masa ini semua simen itu digunakan di dalam negeri itu sendiri tetapi diharap pengeluaran akan bertambah supaya dieskportkan sebahagian daripadanya. Minyak biji kapas ialah minyak daripada tumbuh-tumbuhan yang banyak sekali dikeluarkan.

Bagi tahun 1961 ialah 109,000 tan, iaitu 12,000 tan lebih banyak daripada pengeluaran bagi tahun 1960. Pengeluaran gula dalam tahun 1962 ialah 231,000 tan. Baja adalah mustahak bagi ekonomi Mesir, dan pengeluarannya telah bertambah kepada 790,000 tan dalam tahun 1962. Serabut daripada pokok tebu dan lain-lain pokok untuk membuat kertas. Pengeluaran serabut dalam tahun 1962 ialah 858,000 tan berbanding dengan 65,000 tan dalam tahun 1952. Sebuah kilang kertas baru telah dibina di Alexandria untuk memenuhi keperluan kertas yang bertambah itu, dan sebuah kilang kertas tebal telah dibina juga. Pengeluaran tambahan daripada 20,000 tan dalam tahun 1952 kepada 90,000 tan dalam tahun 1962. Banyak kilang-kilang kaca baru telah dibina dan pengeluaran barang-barang daripada kaca bagi tahun 1961 ialah sebanyak 53,000 tan. Kerajaan Revolusioner menubuhkan perusahaan besi dan besi waja dalam tahun 1954 dan perusahaan itu telah mencapai kemajuan dengan cepatnya. Pengeluarannya telah meningkat kepada satu juta tan. Perusahaan-perusahaan kejuruteraan berat telah mencapai kemajuan juga. Dala

¹ Merujuk kepada perkakas tenun.



Masjid Muhammad Ali di Kaherah, gambar di atas pemandangan di halaman masjid itu. Jam besar yang kelihatan itu hadiah daripada Raja Perancis — Louis Philippe — kepada Muhammad Ali.

tahun 1962, 2,047 buah
 motorkar, 1,003 buah
 lori dan 546 buah bas
 telah diperbuat. Sekarang kapal terbang-kapal terbang
 jet pun dibuat juga. Ada
 rancang usaha untuk membuat
 traktor. Di antara lain-lain perusahaan
 yang maju ialah pembikinan
 49,799 buah basikal, 5,831
 tan kabel, 57,000 buah peti
 radio, 66,000 buah radio
 transistor, 6,960 tan barang-barang
 tembaga merah, 82,000 tan
 sabun, 12,792 tan racun
 pemupus, 562,916 buah tayar
 dan 4,000 barang-barang daripada getah
 dalam tahun 1962. Perusahaan
 filem yang membuat kira-kira 52 filem
 panjang setahun adalah suatu

perusahaan yang penting juga.

Perhubungan: Panjangnya jalan-jalan
 raya yang berlapis Macadam telah
 bertambah daripada 3,600 kilometer
 dalam tahun 1952 kepada
 7,600 kilometer dalam tahun
 1962. Panjangnya jalan-jalan
 pertanian dan jalan-jalan padang
 pasir bertambah daripada 17,000
 kilometer dalam tahun 1952
 kepada 22,000 kilometer dalam
 tahun 1962. Landasan-landasan
 keretapi menghubungkan semua bandar-bandar
 di negeri itu. Keretapi-keretapi
 ekspres berjalan di antara
 Kaherah dengan Alexandria, di antara
 Kaherah dengan Port Said, di antara
 Kaherah dengan Suez dan di antara
 Kaherah dengan Asyut, Luxor dan

Aswan di Selatan. Perkhidmatan
 keretapi negara, yang disusun
 semula pada tahun 1954,
 mempunyai landasan-landasan sepanjang
 3,938 batu dan 850 batu
 landasan keretapi ringan adalah
 dipunyai oleh syarikat-syarikat *private*.
 Mesir mempunyai tiga buah pelabuhan
 besar; pelabuhan Alexandria,
 pelabuhan Port Said dan
 pelabuhan Suez. Alexandria ialah
 pelabuhan perdagangan yang terpenting
 sekali dan sebahagian terbesar
 daripada import dan eksport
 Mesir melalui pelabuhan itu.
 Port Said dan Suez adalah
 penting bagi jalan-jalan laut antara
 benua, dan Suez adalah pusat
 pembekal bahan bakar yang besar

sekali di jalan laut yang menghubungkan Eropah dengan Timur. Perkhidmatan penerbangan Arab Bersatu ialah perkhidmatan penerbangan kerajaan.

Kuasa Letrik: Banyaknya kuasa letrik yang dikeluarkan bertambah daripada 1,050 juta kilowatt dalam tahun 1952 kepada 2,470 kilowatt dalam tahun 1962. Apabila pembinaan empangan Aswan siap kelak banyaknya kuasa letrik yang dikeluarkan akan bertambah sepuluh kali ganda.

Terusan Suez: Pengambilan alih syarikat Suez oleh pemerintah Mesir pada tahun 1956 mengembalikan kepada negeri itu terusan yang telah dibuat dengan menggunakan tulang urat bumiputera negeri itu dan yang sebenarnya menjadi milik mereka,

setelah dimakan hasilnya oleh orang-orang asing dan penjajah-penjajah selama 73 tahun. Bayaran ganti rugi oleh Mesir kepada syarikat itu, yang berjumlah 23,000,000 pound telah selesai pada 1 haribulan Januari 1963. Hasil tahunan yang sekarang didapati oleh Mesir dari terusan itu ialah 51.8 juta Pound Egypt (1961).

Perdagangan Luar: Eksport bagi tahun 1961 berharga 161.2 juta Pound Egypt dan import berharga 230.8 juta Pound Egypt. Harga barang-barang eksport yang penting ialah: kapas 104.6 juta Pound Egypt, benang kapas 7.7 juta Pound Egypt; kain kapas 6.1 juta Pound Egypt; beras 7.5 juta Pound Egypt; bahan bakar,

minyak galian dan barang-barang daripadanya 7.4 juta Pound Egypt; batu kawi dan *phosphate* 2.6 juta Pound Egypt; gula dan air tebu 2.9 juta Pound Egypt; bawang 4.1 juta Pound Egypt; kain sutera tiruan 0.8 juta Pound Egypt; ubi kentang 0.8 juta Pound Egypt; buah-buahan 0.8 juta Pound Egypt.

Kewangan: Matawang Mesir ialah Pound Mesir, dibahagi kepada 100 Piastre² nilai penukaran: £1 Sterling = 0.975 Pound Egypt. \$1 = 0.348 Pound Egypt. Belanjawan bagi tahun 1962/63 ialah: Hasil 794.3 juta Pound Egypt dan perbelanjaan 1,012.6 juta Pound Egypt.

Pembukaan Ekonomi: Kerajaan Revolusioner mempunyai dasar



Kota Alexandria yang terletak di pinggir lautan Mediterranean sungguh indah dan menawan hati para pelancong.

² Perkataan sebenar ialah Piastres.

sosialis. Mula-mula sekali diadakan pembaharuan milik tanah dan pengambilan alih syarikat Terusan Suez dan milik-milik asing. Dalam bulan Jun 1961 semua syarikat-syarikat pengeksport kapas diambil alih oleh kerajaan dan pasaran Alexandria ditutup. Dalam bulan Julai, beberapa perintah telah dikeluarkan yang mengubah sistem ekonomi serta-merta. Semua bank dan syarikat insuran diambil alih oleh kerajaan; 275 syarikat perusahaan dan perdagangan diambil alih oleh kerajaan, satu sistem cukai baharu dilaksanakan, yang mana menghadkan pendapatnya seseorang kepada 5,000 Pound Egypt setahun; tanah yang dimiliki oleh seseorang, yang menghadkan kepada 200 feddan³ pada tahun 1952 dikurangkan kepada 100 feddan, saham seseorang dihadkan kepada 10,000 Pound Egypt; 25 peratus daripada keuntungan syarikat-syarikat perusahaan dibahagikan kepada pekerja-pekerja yang mana akan mempunyai dua orang wakil dalam lembaga pengarah dan pekerja-pekerja akan bekerja 7 jam sehari. Sekarang kerajaan mengawal punca-punca kewangan, pengeluaran dan wang asing dan memiliki satu pertiga daripada perdagangan-perdagangan pembahagi barang-barang. Syarikat-syarikat perusahaan kerajaan dijadikan 38 pertubuhan umum, bertanggungjawab kepada kementerian-kementerian dan kepada Jawatankuasa Perancangan Tinggi. Semua pengeksportan dan pengimportan hendaklah dilakukan menerusi pertubuhan-pertubuhan kerajaan. Syarikat-syarikat perkapalan yang berkhidmat

di kawasan Terusan Suez dan di Alexandria dan syarikat-syarikat pengangkutan telah diambil alih oleh kerajaan.


Kemajuan Pelajaran

Sejak tahun 1952 kerajaan Republik Arab Bersatu telah menguntungkan perkembangan pelajaran. Dasar pelajaran kerajaan ialah bahawa pelajaran diberikan dengan percuma dan diwajibkan. Empat ratus sekolah rendah

dibina pada tiap-tiap tahun.

Bilangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah bertambah daripada 1,540,202 (997,490 lelaki, 541,708 perempuan) dalam tahun 1952 kepada 2,609,462 (1,612,206 lelaki, 977,266 perempuan) dalam tahun 1960.

Ada peringkat pertengahan di antara pelajaran rendah dengan pelajaran menengah. Ada 6 jenis sekolah seperti itu. Sekolah-sekolah umum yang menyediakan murid-murid untuk sekolah-sekolah menengah;



Al-Jāmi' al-Azhar sebuah masjid yang tertua sekali di Mesir.

Dibina pada zaman pemerintahan al-Fāṭimī kira-kira 1000 tahun yang lalu.

³ Feddan atau *Faddān*. Merujuk kepada unit kawasan yang digunakan di Mesir, Sudan dan Syria. 1 Feddan bersamaan dengan 1.038 ekar.

sekolah-sekolah praktik yang menerima murid-murid yang tiada mahu melanjutkan pelajaran akademi mereka (ada 2,028 murid dalam 19 sekolah pada tahun 1961); sekolah-sekolah teknik (ada 461 murid lelaki dalam 2 sekolah pada tahun 1961); sekolah-sekolah perusahaan (ada 20,873 murid lelaki dalam 66 sekolah); sekolah-sekolah pertanian (ada 8,832 murid lelaki dalam 24 sekolah); sekolah-sekolah teknik perempuan (2,355 dalam 10 sekolah).

Ada dua jenis pelajaran

teknik, umum dan teknik. Sekolah-sekolah umum memberi pelajaran untuk mempercepatkan murid-murid bagi memasuki universiti. Bilangan murid-murid dalam tahun 1960/61 ialah 132,161 (103,413 murid lelaki, 28,748 perempuan). Pada tahun 1959/60 ada 19,968 murid lelaki dalam sekolah-sekolah menengah perusahaan, 10,532 murid lelaki dalam sekolah-sekolah menengah pertanian, 36,226 murid (28,270 lelaki, 7,956 perempuan) dalam sekolah-sekolah menengah perniagaan dan 8,822 murid

sekolah-sekolah teknik perempuan atau campuran.

Selain daripada Universiti al-Azhar yang lama dan masyhur itu, ada universiti-universiti Kaherah, Alexandria dan Ain Shams. Sebuah lagi universiti telah dibina di Asyut dalam tahun 1957/58. Semua universiti-universiti itu mempunyai fakulti-fakulti pertanian, perniagaan, perubatan, pembuatan ubat, kejuruteraan, undang-undang, *art* dan sains. Ada pula berbagai-bagai kursus selepas universiti, dan ramai penuntut-penuntut dihantar ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tinggi.

Tamat

Buku Baru.

Istimewa.

RISALAH
PENDIDIKAN
DAN
KELUARGA

Kumpulan dari kata2 dan nasihat yang berharga Al-Imam Al-Shahid Hasan Al-Banna Pemimpin Al-Ekhwanul-Muslimin yang mustahak di-jadikan panduan hidup di-dalam suatu masharakat Islam yang bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh pemuda dan pemudi Islam angkatan baru yang chintakan Islam.


Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kepada:

QALAM

54, Lorong 'G',

Singapura, 15.



Masjid Saiyidina Hussein di Kaherah. Di dalam masjid ini dikebumikan kepala *Sayyid al-Shuhadā'* al-Hussayn bin 'Alī bin Abī

Tālib.